



NEGERI SABAH

[JPAN: 700- 2/10 (14)]

PEKELILING PERKHIDMATAN NEGERI SABAH BIL. 2/2017

KADAR KELAYAKAN KEMUDAHAN CUTI REHAT TAHUNAN BAGI PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH

TUJUAN

1. Pekeliling Perkhidmatan ini bertujuan melaksanakan kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan kepada pegawai Perkhidmatan Awam Negeri selaras dengan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2015 (Persekutuan).

LATAR BELAKANG

2. Kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah diperuntukkan melalui Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah dan Surat Edaran seperti berikut:

- (i) Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2009.
- (ii) Surat Edaran Ruj. JPAN:700-1/110/1 Klt.8/(195) bertarikh 6 Januari 2009.
- (iii) Surat Edaran Ruj. JPAN1000-5/1/Jld.6/(8) bertarikh 12 Jun 2012.

KADAR KELAYAKAN CUTI REHAT TAHUNAN BAHARU

3. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan pegawai Perkhidmatan Awam Negeri adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 1** yang berikut:

**Jadual 1: Kadar Kelayakan Cuti Rehat Tahunan
Bagi Perkhidmatan Awam Negeri Mulai 1 Januari 2016**

Tarikh Lantikan Pertama/ Baharu	Kurang 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan				**Genap 10 Tahun Perkhidmatan yang Melayakkan			
	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi	Gred 1-20	Gred 21-30	Gred 31-54	Pengurusan Tertinggi
Sebelum 1 September 2005	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	35 hari	35 hari
Mulai 1 September 2005 Hingga 31 Disember 2008	20 hari	25 hari	30 hari	30 hari	25 hari	30 hari	30 hari	30 hari
Mulai 1 Januari 2009	20 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari	25 hari

** Kelayakan ini adalah selaras dengan Peraturan 144 (2) Peraturan-Peraturan Pegawai Awam Negeri Sabah 2008 (PPPANS 2008).

KESAN PELAKSANAAN

4. Dengan berkuatkuasanya kadar cuti yang baharu ini, **opsyen dan pemakaian kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan di bawah PP Bil.14/2008 (Surat edaran Ruj: JPAN 700-1/110/1 Klt.9/(195) bertarikh 6 Januari 2009) adalah terhenti berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.**

5. Kadar kelayakan kemudahan Cuti Rehat tahunan bagi pegawai lantikan kontrak dan sementara adalah ditetapkan seperti dalam **Jadual 2** yang berikut:

**Jadual 2: Kadar Cuti Rehat Tahunan Bagi Pegawai
Perkhidmatan Awam Lantikan Kontrak dan Sementara**

Kumpulan/Gred	Kadar Cuti Rehat
Pengurusan Tertinggi	25
Gred 31 – 54	25
Gred 21 – 30	25
Gred 1 - 20	20

TANGGUNGJAWAB KETUA JABATAN

6. Dengan berkuatkuasanya pekeliling ini, Ketua Jabatan hendaklah merekodkan kadar kelayakan Cuti Rehat tahunan baharu dalam Buku Rekod Perkhidmatan dan e-cuti pegawai.

PEMBATALAN

7. Dengan berkuatkuasanya Pekeliling Perkhidmatan ini:
- (i) Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2009 adalah dibatalkan.
 - (ii) Surat Edaran Ruj. JPAN:700-1/110/1 Klt.8/(195) bertarikh 6 Januari 2009 adalah dibatalkan.
 - (iii) Surat Edaran Ruj. JPAN1000-5/1/Jld.6/(8) bertarikh 12 Jun 2012 adalah dibatalkan.

TARIKH KUAT KUASA

8. Pekeliling Perkhidmatan ini berkuat kuasa mulai 1 Januari 2016.

PEMAKAIAN

9. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pekeling ini pada keseluruhannya dipanjangkan kepada semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan Negeri.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”



(TAN SRI SUKARTI BIN WAKIMAN)

Setiausaha Kerajaan Negeri

Tarikh : 21 MAR 2017

s.k. Setiausaha Tetap
Kementerian Kewangan
Wisma Kewangan
88593 KOTA KINABALU

Bendahari Negeri
Jabatan Bendahari Negeri
88595 KOTA KINABALU

Pengarah Audit
Jabatan Audit
88990 KOTA KINABALU

Diedarkan kepada : Semua Setiausaha Tetap Kementerian Negeri
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Pihak Berkuasa Berkanun Negeri
Semua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri
Semua Pegawai Daerah
Semua Penolong Pegawai Daerah